

TINJAUAN KE BESTARIA ECO TOURISM (BORNEAN PEACOCK)

Emelinah Jurus

Intern Universiti Malaysia Sabah

Pejabat Daerah Telupid



TELUPID, 11 SEPT 2024 – Tinjauan ke Bestaria Eco Tourism merupakan salah satu inisiatif Pejabat Daerah Telupid dalam menyokong pembukaan tempat pelancongan untuk melihat seekor burung yang dikenali sebagai Bornean Peacock. Menurut rekod yang pernah diketengahkan dalam pencarian habitat ini, didapati bahawa habitat Bornean Peacock adalah semakin merosot. Secara langsung dapat dinilai bahawa spesies burung ini tersenarai dalam senarai merah iaitu spesies

terancam. Walaupun spesies ini dikatakan hanya ada di Kalimantan, Indonesia namun kini Bornean Peacock ini ditemui berada di Sabah iaitu Kampung Bestaria, Telupid. Kemunculan burung ini menjadi keunikkan bukan hanya kepada penduduk asal Bestaria, Telupid namun juga menjadi daya tarikan kepada pengkaji-pengkaji di luar Telupid. Justeru itu, Bornean Peacock telah berjaya menarik perhatian Sabah Tourism Board (STB) untuk mengembangkan lagi tempat pelancongan tersebut agar mampu dikenali di dalam dan luar negara.

Terdapat 2 Guide yang akan menjadi penunjuk arah untuk sampai ke destinasi Bornean Peacock. Perjalanan Untuk sampai di tempat Bornean Peacock hanya mengambil masa selama 30 minit sahaja bermula dari titik permulaan. Sedikit mencabar bagi mereka untuk sampai di lokasi Bornean Peacock sekiranya tidak meminati aktiviti sedemikian namun pemandangan seperti inilah yang jarang ditemukan dan peluang tidak akan datang kedua kalinya.

